Prestasi Industri Takaful

- Tinjauan Keseluruhan Prestasi Industri
- Prestasi Perniagaan Takaful Keluarga
- Prestasi Perniagaan Takaful Am

Prestasi Industri Takaful

Tinjauan Keseluruhan Prestasi Industri

Industri takaful terus berkembang pada tahun 2004 selaras dengan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Kesemua penunjuk utama industri menunjukkan pertumbuhan positif seperti berikut:

- Gabungan pendapatan caruman bersih takaful keluarga dan am meningkat 10.8% kepada RM1.1 bilion;
- Tahap penembusan pasaran[1] industri takaful meningkat daripada 4.5% kepada 5.1% pada tahun 2004; dan
- Aset takaful berkembang 13.5% kepada RM5 bilion. Bahagian pasaran takaful dalam gabungan industri insurans dan takaful dari segi aset kekal pada kadar 5.6%, manakala caruman menjadi sederhana sedikit kepada 5.1% (2003: 5.4%) berikutan pengembangan pesat perniagaan insurans hayat industri insurans.

Carta 1.1
Caruman Bersih



Nota: Caruman bersih bagi tahun 2000 – 2001 tidak termasuk skim anuiti (SATK) yang diperkenalkan khusus untuk pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Kumpulan wang takaful mencatat lebihan pada tahun 2004 walaupun terdapat pertambahan yang ketara dalam bayaran tuntutan. Jumlah manfaat dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industri takaful meningkat 34.7% kepada RM377.3 juta, dengan RM1 juta merupakan pampasan bagi tuntutan kepada peserta takaful yang ditimpa bencana tsunami pada akhir tahun 2004.

Industri takaful beroperasi melalui pelbagai saluran agihan, iaitu secara pemasaran langsung, rangkaian agensi, broker dan banktakaful:

- Pemasaran langsung kekal sebagai saluran agihan utama dengan caruman berjumlah RM659.1 juta, peningkatan sebanyak 10.2% dan merangkumi 61% daripada caruman;
- Caruman yang dijana melalui tenaga agensi dan broker masing-masing meningkat sebanyak 24.1% dan 76.5% kepada RM187 juta dan RM158.3 juta.

Carta 1.2
Agihan Caruman Mengikut Saluran Agihan



- Tenaga agensi telah bertambah dengan pengambilan ejen baru seramai 2,513 pada akhir tahun 2004; dan
- Banktakaful berpotensi besar sebagai saluran agihan yang berkesan berdasarkan kepada pengalaman satu pengendali takaful yang hanya menggunakan saluran agihan ini. Caruman melalui pengaturan banktakaful

[1] Bilangan sijil berkuat kuasa dibahagi jumlah penduduk

berjumlah RM69.9 juta, dengan RM51.1 juta adalah daripada perniagaan takaful keluarga.

Beberapa perkembangan positif dalam industri takaful pada tahun 2004 telah menyumbang ke arah pertumbuhan masa hadapan sektor takaful di Malaysia:

- Pelaksanaan perlindungan takaful mandatori bagi pembiayaan secara Islam, dengan kos perlindungan merupakan sebahagian daripada pakej pembiayaan, akan mengoptimumkan lagi penggunaan kapasiti industri takaful;
- Penggunaan pengaturan banktakaful yang lebih meluas, yang menggunakan rangkaian cawangan institusi perbankan dan pembangunan kewangan yang meluas, akan terus meningkatkan penembusan pasaran takaful dan menggalakkan gabungan produk yang lebih baik;
- Penyempurnaan usaha penambahan modal setiap pengendali takaful kepada minimum RM100 juta dijangka memperbaiki kapasiti pengunderaitan dan akan menggalakkan pelancaran lebih banyak produk baru dan seterusnya menambah kadar hasil dividen pemegang-pemegang saham pengendali takaful; dan
- Permintaan ketara terhadap pelan takaful berkaitan pelaburan sejak pelan ini diperkenalkan pada tahun 2003, seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan caruman perniagaan baru sebanyak 197.5% pada tahun 2004.

Jadual 1.1
Agihan Perniagaan Baru mengikut Pelan

	2000	2001	2002	2003	2004	2002	2003	2004	2002	2003	2004
Bilangan Sijil	unit					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	191,717	205,871	236,939	263,101	287,921	15.1	11.0	9.4	100.0	99.3	99.1
Individu	190,486	204,660	235,468	260,968	283,594	15.1	10.8	8.7	99.4	98.5	97.6
Berkumpulan	1,231	1,211	1,471	2,133	4,327	21.5	45.0	102.9	0.6	0.8	1.5
Anuiti[1]	9	2	98	1,006	402	4,800.0	926.5	–60.0	…	0.4	0.1
Berkaitan Pelaburan	–	–	–	928	2,215	–	–	138.7	–	0.3	0.8
Jumlah	191,726	205,873	237,037	265,035	290,538	15.1	11.8	9.6	100.0	100.0	100.0
Jumlah Penyertaan	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	11,405.5	12,817.1	14,174.8	18,317.1	36,420.6	10.6	29.2	98.8	100.0	99.9	99.9
Individu	6,348.8	8,407.4	10,015.8	11,379.5	14,403.9	19.1	13.6	26.6	70.7	62.1	39.5
Berkumpulan	5,056.7	4,409.7	4,159.0	6,937.6	22,016.7	–5.7	66.8	217.4	29.3	37.8	60.4
Anuiti[1]	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–
Berkaitan Pelaburan	–	–	–	12.8	37.5	–	–	193.2	–	0.1	0.1
Jumlah	11,405.5	12,817.1	14,174.8	18,329.9	36,458.1	10.6	29.3	98.9	100.0	100.0	100.0
Caruman	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	297.0	368.7	451.3	502.9	592.4	22.4	11.4	17.8	99.8	98.4	98.1
Individu	248.8	330.2	412.2	452.8	485.0	24.8	9.8	7.1	91.2	88.6	80.3
Berkumpulan	48.2	38.5	39.1	50.1	107.4	1.6	28.1	114.5	8.6	9.8	17.8
Anuiti[1]	0.3	0.1	0.9	4.9	1.9	800.0	444.1	–62.0	0.2	1.0	0.3
Berkaitan Pelaburan	–	–	–	3.2	9.4	–	–	197.5	–	0.6	1.6
Jumlah	297.3	368.8	452.2	511.0	603.7	22.6	13.0	18.1	100.0	100.0	100.0

[1] Caruman bersih bagi tahun 2000-2001 tidak termasuk skim anuiti (SATK) yang diperkenalkan khusus untuk pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

… Terlalu kecil

Jadual 1.2
Agihan Caruman Perniagaan Baru mengikut Pelan

	2003	2004	2004	2003	2004
	RM juta		% perubahan	% bahagian	
Keluarga Biasa	502.9	592.4	17.8	98.4	98.1
Endowmen	54.6	81.7	49.9	10.7	13.5
Pendidikan	7.6	14.0	85.8	1.5	2.3
Lain-lain	47.0	67.7	44.1	9.2	11.2
Sementara	399.8	423.2	5.8	78.2	70.1
Gadai Janji	340.5	361.2	6.1	66.6	59.8
Lain-lain	59.3	62.0	4.5	11.6	10.3
Perubatan dan Kesihatan	36.0	57.7	60.0	7.1	9.6
Lain-lain[1]	12.5	29.8	138.1	2.4	4.9
Anuiti	4.9	1.9	-62.0	1.0	0.3
Berkaitan Pelaburan	3.2	9.4	197.5	0.6	1.6
Jumlah	511.0	603.7	18.1	100.0	100.0

[1] Termasuk rider

Prestasi Perniagaan Takaful Keluarga

Perniagaan Baru

Perniagaan takaful keluarga terus berkembang pada tahun 2004 dengan caruman perniagaan baru meningkat sebanyak 18.1% kepada RM603.7 juta sementara jumlah penyertaan bertambah dengan ketara sebanyak 98.9% kepada RM36.5 bilion. Prestasi yang menggalakkan ini disumbangkan oleh:

- Pertumbuhan ketara caruman pelan takaful keluarga biasa berkumpulan sebanyak 114.5%. Tumpuan yang lebih telah diberi ke arah mengembangkan lagi perniagaan pelan takaful berkumpulan, terutamanya takaful berkumpulan sementara dan perubatan;
- Pertambahan permintaan bagi pelan takaful berkaitan pelaburan dengan caruman baru meningkat sebanyak 197.5% kepada RM9.4 juta, melibatkan 2,215 unit sijil. Pelan ini berpotensi besar untuk terus berkembang bagi memenuhi kehendak pengguna yang menginginkan pelaburan berlandaskan Syariah;
- Peningkatan permintaan bagi pelan takaful endowmen dengan bertambahnya kecenderungan pengguna terhadap pelan takaful jenis tabungan. Caruman pelan takaful endowmen tumbuh sebanyak 49.9% kepada RM81.7 juta hasil daripada pelancaran produk-produk baru pada tahun 2004;
- Pertumbuhan pesat pelan takaful perubatan dan kesihatan dengan pertumbuhan caruman sebanyak 60% kepada RM57.7 juta pada tahun 2004. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan permintaan pengguna bagi memperoleh perlindungan terhadap kos perubatan yang semakin meningkat;
- Pertambahan dua kali ganda caruman pelan takaful rider kepada RM22.5 juta pada tahun 2004. Pemilihan terhadap rider[2] bertambah kerana

Carta 1.3
Agihan Caruman Perniagaan Baru



[2] Pelan takaful rider menyediakan perlindungan tambahan kepada sijil takaful asas

Jadual 1.3
Penamatan Jumlah Penyertaan

	Kematian	Serahan	Cukup Tempoh dan Sebab-sebab Lain	Jumlah
	RM juta			
2000	17.6	200.0	869.6	1,087.2
2001	30.2	286.9	2,795.1	3,112.2
2002	39.8	460.2	3,457.7	3,957.7
2003	55.2	1,081.3	6,301.8	7,438.3
2004	85.5	1,356.2	13,339.1	14,780.8
	% bahagian			
2000	1.6	18.4	80.0	100.0
2001	1.0	9.2	89.8	100.0
2002	1.0	11.6	87.4	100.0
2003	0.8	14.5	84.7	100.0
2004	0.6	9.2	90.2	100.0
	% jumlah penyertaan berkuat kuasa pada awal tahun			
2001	0.1	0.8	8.2	9.1
2002	0.1	0.9	7.1	8.2
2003	0.1	2.0	11.8	13.9
2004	0.1	2.1	21.0	23.2

kadar carumannya adalah lebih murah berbanding penyertaan dalam sijil takaful yang memberikan perlindungan yang serupa. Perlindungan yang diberikan di bawah pelan takaful rider, antara lain termasuk kemalangan diri, perubatan dan kesihatan serta penyakit-penyakit kritikal; dan

- Prestasi mantap pelan takaful gadai janji kekal menjadi sumber utama caruman baru, dengan menyumbang 59.8% atau RM361.2 juta caruman baru pada tahun 2004.

Penamatan

Sebanyak RM14.8 bilion jumlah penyertaan melibatkan 132,531 unit sijil ditamatkan pada tahun 2004. Penamatan disebabkan kematian berjumlah RM85.5 juta. Pengalaman kemortalan kekal stabil dengan kadar kemortalan[3] 0.1%. Kadar serahan kekal tidak berubah pada 2.1%, walaupun terdapat peningkatan 25.4% dalam jumlah penyertaan yang ditamatkan. Serahan sijil terbesar adalah daripada sijil caruman tahunan berbanding sijil caruman tunggal.

Penamatan disebabkan cukup tempoh kekal kecil, melibatkan sejumlah 1,514 unit sijil dengan jumlah penyertaan sebanyak RM22.5 juta. Penamatan berkaitan sebab-sebab lain meningkat dengan ketara sebanyak 111.7% kepada RM13.3 bilion disebabkan oleh penarikan diri individu yang dilindungi di bawah sijil takaful berkumpulan dan penamatan sijil takaful keluarga biasa sementara.

Perniagaan Berkuat Kuasa

Pertumbuhan perniagaan berkuat kuasa kekal mapan pada tahun 2004 seperti dinyatakan berikut:

- Jumlah bilangan sijil berkuat kuasa bertambah sebanyak 16.5% kepada 1.3 juta unit. Sijil berkuat kuasa yang dijana oleh pengendali takaful baru meningkat daripada 12,084 unit kepada 50,069 unit; dan
- Jumlah caruman berkuat kuasa tahunan bertambah sebanyak 21.1% kepada RM477.2 juta. Pelan takaful endowmen kekal sebagai sektor dominan dengan bahagian sebanyak 51.3%, diikuti oleh pelan takaful sementara dengan bahagian sebanyak 26.5%. Sungguhpun bahagian pelan takaful berkaitan pelaburan secara relatifnya kecil, namun pelan ini berpotensi besar seperti dicerminkan oleh pertumbuhan caruman yang kukuh sebanyak 175.8%.

Saiz dan Kos Purata Sijil Berkuat Kuasa Tahunan

Pelan Takaful Individu Keluarga Biasa

Julat saiz caruman ialah RM333 hingga RM859 dan julat jumlah penyertaan ialah RM3,537 hingga RM38,103. Saiz purata keseluruhan caruman sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pelan takaful endowmen. Ini diikuti dengan pelan takaful perubatan dan kesihatan dengan saiz purata caruman sebanyak RM717 bagi setiap sijil. Saiz purata caruman paling rendah dicatatkan oleh pelan takaful individu lain-lain. Perubahan dalam saiz purata keseluruhan telah menyebabkan penurunan kos purata setiap sijil daripada RM37 kepada RM29 pada tahun 2004.

Pelan Takaful Berkumpulan Keluarga Biasa

Saiz purata caruman ialah RM46,956 dan jumlah penyertaan ialah RM4.2 juta bagi setiap sijil. Perubahan dalam saiz purata

[3] Peratus jumlah penyertaan berkuat kuasa pada awal tahun

Jadual 1.4
Agihan Perniagaan Berkuat Kuasa mengikut Pelan

	2000	2001	2002	2003	2004	2002	2003	2004	2002	2003	2004
Bilangan Sijil	unit					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	554,809	726,398	888,879	1,084,038	1,269,599	22.4	22.0	17.1	95.4	96.1	96.5
Individu	552,018	722,763	884,874	1,079,558	1,264,278	22.4	22.0	17.1	95.0	95.7	96.1
Berkumpulan	2,791	3,635	4,005	4,480	5,321	10.2	11.9	18.8	0.4	0.4	0.4
Anuiti	17,545	44,867	43,333	43,485	42,708	–3.4	0.4	–1.8	4.6	3.8	3.3
Berkaitan Pelaburan	–	–	–	923	2,888	–	–	212.9	–	0.1	0.2
Jumlah	572,354	771,265	932,212	1,128,446	1,315,195	20.9	21.1	16.5	100.0	100.0	100.0
Jumlah Penyertaan	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	33,222.2	46,247.6	51,404.3	61,388.6	86,571.0	11.2	19.4	41.0	95.9	96.6	97.6
Individu	19,486.0	27,589.4	33,193.5	41,450.1	54,170.5	20.3	24.9	30.7	61.9	65.2	61.1
Berkumpulan	13,736.2	18,658.2	18,210.8	19,938.5	32,400.5	–2.4	9.5	62.5	34.0	31.4	36.5
Anuiti	945.5	2,311.4	2,221.6	2,172.5	2,095.9	–3.9	–2.2	–3.5	4.1	3.4	2.3
Berkaitan Pelaburan	–	–	–	12.7	45.0	–	–	253.1	–	…	0.1
Jumlah	34,167.7	48,559.0	53,625.9	63,573.8	88,711.9	10.4	18.6	39.5	100.0	100.0	100.0
Caruman[1]	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	789.1	1,057.8	1,357.5	392.9	473.7	28.3	–	20.6	64.5	99.7	99.3
Individu	687.6	945.3	1,213.6	367.1	455.4	28.4	–	24.0	57.6	93.7	95.5
Berkumpulan	101.5	112.5	143.9	25.8	18.3	28.0	–	-29.1	6.8	6.0	3.8
Anuiti	468.1	961.2	748.3	–	–	–22.1	–	–	35.6	–	–
Berkaitan Pelaburan	–	–	–	1.3	3.5	–	–	175.8	–	0.3	0.7
Jumlah	1,257.2	2,019.0	2,105.8	394.2	477.2	4.3	–	21.1	100.0	100.0	100.0

[1] Caruman berkuat kuasa yang dilapor bermula dari tahun 2003 hanya bagi caruman tahunan
… Terlalu kecil

sijil menyebabkan peningkatan kos purata daripada RM6 kepada RM11. Pelan sijil tahunan berkumpulan sekarang ini hanya terdiri daripada pelan takaful endowmen.

Jadual 1.5
Saiz Purata Sijil Berkuat Kuasa Tahunan

	Caruman[1]		Jumlah Penyertaan[2]	
	Individu	Berkumpulan	Individu	Berkumpulan
	RM			
2000	571	36,368	14,259	4,921,594
2001	598	30,937	16,842	5,132,917
2002	625	35,934	19,849	4,547,022
2003	731	27,991	19,882	4,324,261
2004	722	46,956	25,327	4,228,446

[1] Saiz purata caruman berkuat kuasa - jumlah caruman berkuat kuasa dibahagi bilangan sijil berkuat kuasa
[2] Saiz purata jumlah penyertaan berkuat kuasa - jumlah penyertaan berkuat kuasa dibahagi bilangan sijil berkuat kuasa

Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan

Pertumbuhan jumlah pendapatan perniagaan takaful keluarga meningkat sebanyak 6.1% kepada RM1 bilion pada tahun 2004, disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan pendapatan pelaburan bersih daripada penempatan deposit dan kadar hasil yang lebih rendah daripada bon Islam. Sebaliknya, kadar hasil dividen daripada pelaburan ekuiti

Jadual 1.6
Kos Purata Sijil Berkuat Kuasa Tahunan[1]

	2000	2001	2002	2003	2004
	RM				
Individu	40	36	32	37	29
Berkumpulan	7	6	8	6	11

[1] Caruman bagi setiap RM1,000 jumlah penyertaan berkuat kuasa

Jadual 1.7
Pendapatan dan Perbelanjaan

	2001		2002		2003		2004	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Pendapatan								
Caruman Bersih	1,219.8	92.2	663.8	83.1	762.5	78.7	794.4	77.3
Pendapatan Pelaburan Bersih	78.0	5.9	110.2	13.8	165.3	17.1	156.6	15.2
Pendapatan Lain	24.7	1.9	25.0	3.1	41.2	4.2	77.5	7.5
Jumlah	1,322.5	100.0	799.0	100.0	969.0	100.0	1,028.5	100.0
Perbelanjaan								
Manfaat Sijil Bersih	132.7	10.0	178.6	22.4	201.4	20.8	286.4	27.8
Komisen Bersih	31.5	2.4	46.4	5.8	46.5	4.8	82.2	8.0
Perbelanjaan Pengurusan[1]	22.6	1.7	25.2	3.2	60.0	6.2	86.3	8.4
Perbelanjaan Lain	18.3	1.4	34.5	4.3	51.4	5.3	136.3	13.3
Jumlah	205.1	15.5	284.7	35.7	359.3	37.1	591.2	57.5
Lebihan Pendapatan daripada Perbelanjaan	1,117.4	84.5	514.3	64.3	609.7	62.9	437.3	42.5

[1] Perbelanjaan pengurusan bermula dari tahun 2003 termasuk perbelanjaan kumpulan wang takaful keluarga yang ditanggung oleh kumpulan wang pemegang saham

bertambah kepada RM47.7 juta. Industri takaful juga mencatat keuntungan sebanyak RM19 juta daripada pelupusan ekuiti.

Perbelanjaan
Jumlah perbelanjaan bagi kumpulan wang takaful keluarga bertambah dengan ketara sebanyak 64.5% kepada RM591.2 juta. Pertambahan yang ketara ini disebabkan oleh peruntukan sebanyak RM41 juta bagi pembiayaan tak berbayar dan RM22.5 juta bagi pengurangan nilai sekuriti. Manfaat sijil bersih meningkat sebanyak 42.2% kepada RM286.4 juta, dengan 43.9% pembayaran bagi kematian dan hilang upaya dan 40.9% bagi serahan. Imbuhan agensi meningkat dengan ketara sebanyak 76.5% kepada RM82.2 juta sejajar dengan pengembangan tenaga agensi pengendali takaful dan pengstrukturan semula dalam faedah agensi. Perbelanjaan pengurusan

Jadual 1.8
Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga

	2001		2002		2003		2004	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Harta Benda, Loji dan Peralatan	1.0	…	3.1	0.1	7.2	0.2	4.9	0.1
Pelaburan Harta Benda	59.6	2.2	61.8	2.0	66.0	1.7	70.0	1.6
Pembiayaan	91.4	3.5	89.3	2.8	84.0	2.2	36.9	0.9
Pelaburan	1,302.7	49.3	1,725.1	54.6	2,227.2	57.6	2,717.1	63.1
Sekuriti Islam Kerajaan	176.9	6.7	273.5	8.7	368.1	9.5	498.3	11.6
Sekuriti Hutang Swasta Islam dan Ekuiti	1,120.6	42.4	1,447.0	45.8	1,850.6	47.9	2,215.0	51.4
Pelaburan Lain	5.2	0.2	4.6	0.1	8.5	0.2	3.8	0.1
Aset Asing	7.5	0.3	7.7	0.2	7.7	0.2	7.7	0.2
Akaun Pelaburan dan Pasaran Wang Islam	1,142.2	43.2	1,183.6	37.4	1,337.2	34.6	1,376.3	32.0
Wang Tunai dan Baki Bank	25.9	1.0	70.4	2.2	98.9	2.6	36.6	0.8
Aset Lain	14.4	0.5	21.8	0.7	32.8	0.9	55.6	1.3
Jumlah	2,644.7	100.0	3,162.8	100.0	3,861.0	100.0	4,305.1	100.0

… Terlalu kecil

Carta 1.4
Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga



bertambah sebanyak 43.8% kepada RM86.3 juta disebabkan peningkatan am perbelanjaan pengendalian kumpulan wang.

Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga

Jumlah aset kumpulan wang takaful keluarga pada tahun 2004 terus berkembang kepada RM4.3 bilion, peningkatan sebanyak 11.5%. Kumpulan wang takaful keluarga biasa meningkat 16.8% kepada RM3.1 bilion, mencakupi 71.9% daripada jumlah keseluruhan aset. Ini diikuti dengan kumpulan wang takaful anuiti dengan bahagian sebanyak 27.6%.

Agihan aset secara relatifnya kekal tidak berubah. Sebahagian besar kumpulan wang dilaburkan dalam bon Islam dan instrumen Islam Kerajaan, sejajar dengan sifat jangka panjang pelan takaful keluarga, di samping memastikan pulangan pelaburan yang stabil. Antara perkembangan penting pada tahun 2004 adalah seperti yang berikut:

- Bon Islam mencakupi 39% daripada aset kumpulan wang takaful, diikuti akaun pelaburan dan pasaran wang Islam dengan gabungan bahagian sebanyak 32%;
- Bahagian instrumen Islam Kerajaan meningkat kepada RM498.3 juta dengan langganan tambahan sebanyak RM130.2 juta daripada terbitan baru instrumen Islam Kerajaan pada tahun 2004; dan
- Pelaburan yang lebih besar sebanyak

Jadual 1.9
Keputusan Penilaian[1]

	2002	2003	2004	2003	2004
	RM juta			% perubahan	
Akaun Khas Peserta					
Kumpulan Wang Peserta	1,224.8	1,532.0	1,743.5	25.1	13.8
Tolak: Liabiliti Penilaian	1,137.7	1,324.0	1,580.5	16.4	19.4
Lebihan	87.1	208.0	163.0	138.7	–21.6
Akaun Berkumpulan					
Kumpulan Wang Peserta	142.4	163.0	182.8	14.4	12.2
Tolak: Rizab Caruman Tidak Terperoleh	56.9	68.6	80.5	20.4	17.4
Peruntukan Tuntutan Kena Dibayar Tetapi Belum Dikemukakan	7.3	10.9	13.8	48.8	26.5
Lebihan	78.2	83.5	88.5	6.8	6.0

[1] Berdasarkan data tahun kalendar. Data bagi tahun-tahun sebelumnya telah dinyatakan semula

RM536.7 juta dalam ekuiti yang patuh Syariah berikutan peningkatan prestasi pasaran ekuiti.

Laporan Penilaian

Kumpulan wang peserta di bawah akaun khas peserta terus mencatat lebihan sebanyak RM163 juta meskipun terdapat peningkatan liabiliti penilaian berikutan andaian kadar untung yang lebih rendah. Andaian ini mencerminkan kadar hasil pelaburan semasa yang diperolehi kumpulan wang takaful. Berikutan ini, nisbah kumpulan wang peserta kepada liabiliti penilaian menurun kepada 110.3% berbanding dengan 111.5% pada tahun 2003.

Bagi akaun berkumpulan pula, jumlah lebihan meningkat sedikit kepada RM88.5 juta disebabkan oleh peningkatan rizab caruman tidak terperoleh. Ini adalah kerana sejumlah besar caruman hanya dijana pada akhir tahun 2004. Kedua-dua lebihan akaun khas peserta dan akaun berkumpulan layak untuk diagihkan sebagai keuntungan kepada peserta mengikut nisbah agihan keuntungan yang telah dipersetujui.

Prestasi Perniagaan Takaful Am

Pertumbuhan dan Agihan Caruman

Perniagaan takaful am terus berkembang pada tahun 2004. Jumlah keseluruhan caruman kasar bertambah sebanyak 22.2% (2003: 21.2%) kepada RM492.5 juta, disokong oleh perkembangan yang memberangsangkan dalam sektor-sektor yang berikut:

- Sektor marin, udara dan transit terus berkembang berikutan peningkatan dalam penyertaan satu perjanjian takaful bersama akaun udara berisiko besar oleh satu pengendali takaful. Ini telah mengurangkan kesan penurunan kadar caruman sektor takaful udara yang dialami industri takaful;
- Sektor motor terus meningkat didorong oleh permintaan untuk pelan takaful motor komprehensif. Ini menyebabkan peningkatan keseluruhan dalam caruman kasar sektor motor sebanyak 24.4% kepada RM149.8 juta. Di samping itu, pengendali-pengendali takaful baru terus mengukuhkan kedudukan pasaran mereka melalui penggunaan tenaga agensi, penggunaan yang lebih meluas pengaturan banktakaful serta memperkenalkan perlindungan takaful inovatif dengan perkhidmatan nilai ditambah. Pada akhir tahun 2004, bahagian pasaran motor yang dijana oleh pengendali takaful baru meningkat kepada 16.4% daripada jumlah caruman kasar motor, berbanding dengan hanya 2.5% pada akhir tahun 2003;
- Peningkatan sebanyak 11.4% dalam caruman kasar sektor kebakaran disebabkan terutamanya oleh masuk kira caruman pelan takaful kebakaran jangka panjang Perbendaharaan Persekutuan sebanyak RM26.7 juta. Di bawah pelan ini, caruman diterima sekali gus pada permulaan tempoh bagi perlindungan yang menjangkau beberapa tahun. Pada tahun-tahun sebelum ini, caruman diagihkan sepanjang tempoh pelan berbanding masuk kira segera sebagai pendapatan. Caruman kasar sektor kebakaran tanpa mengambil kira caruman daripada pelan takaful kebakaran jangka panjang Perbendaharaan Persekutuan ialah sebanyak RM159.5 juta; dan

Jadual 1.10
Agihan Caruman Kasar

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua Sektor
			Perlindungan `Akta´	Lain-lain	Jumlah		
	RM juta						
2000	7.2	82.4	13.8	61.6	75.4	37.7	202.7
2001	11.0	115.9	15.9	75.8	91.7	48.2	266.8
2002	20.9	149.5	16.2	86.0	102.2	60.0	332.7
2003	35.0	167.2	15.2	105.2	120.4	80.4	403.0
2004	75.4	186.2	17.7	132.1	149.8	81.1	492.5
	% perubahan						
2001	53.3	40.8	15.5	22.9	21.6	27.6	31.6
2002	89.5	28.9	2.0	13.5	11.5	24.5	24.7
2003	67.4	11.9	–6.2	22.3	17.8	33.9	21.2
2004	115.3	11.4	16.2	25.6	24.4	0.8	22.2
	% bahagian						
2000	3.6	40.6	6.8	30.4	37.2	18.6	100.0
2001	4.1	43.5	6.0	28.4	34.4	18.0	100.0
2002	6.3	44.9	4.9	25.9	30.8	18.0	100.0
2003	8.7	41.5	3.8	26.1	29.9	19.9	100.0
2004	15.3	37.8	3.6	26.8	30.4	16.5	100.0

Jadual 1.11
Agihan Caruman Bersih

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua Sektor
			Perlindungan `Akta´	Lain-lain	Jumlah		
	RM juta						
2000	1.6	48.5	13.2	59.4	72.6	27.1	149.8
2001	3.4	57.8	14.6	73.3	87.9	31.1	180.2
2002	6.8	73.7	16.0	82.3	98.3	43.5	222.2
2003	12.4	74.2	13.7	100.8	114.5	50.4	251.5
2004	15.7	113.6	17.2	126.7	143.9	55.4	328.6
	% perubahan						
2001	116.4	19.2	11.0	23.5	21.1	14.9	20.3
2002	100.7	27.4	9.5	12.2	11.8	39.7	23.3
2003	82.2	0.8	–14.8	22.6	16.5	15.8	13.2
2004	27.2	53.0	25.6	25.7	25.6	10.1	30.7
	% bahagian						
2000	1.1	32.4	8.8	39.6	48.4	18.1	100.0
2001	1.9	32.1	8.1	40.7	48.8	17.2	100.0
2002	3.1	33.1	7.2	37.0	44.2	19.6	100.0
2003	4.9	29.5	5.5	40.1	45.6	20.0	100.0
2004	4.8	34.6	5.2	38.6	43.8	16.8	100.0

- Caruman bagi subsektor semua risiko kontraktor dan kejuruteraan menguncup sebanyak 21.3% ekoran pertumbuhan negatif dalam sektor pembinaan pada tahun 2004. Ini telah menjejaskan perkembangan sektor pelbagai industri takaful.

Sektor kebakaran dan motor terus menguasai portfolio perniagaan takaful am, masing-masing dengan bahagian sebanyak 37.8% dan 30.4% daripada jumlah keseluruhan caruman kasar. Bahagian sektor marin, udara dan transit bertambah kepada 15.3% selaras dengan pertambahan jumlah perniagaan.

Caruman bersih terus meningkat sebanyak 30.7% kepada RM328.6 juta berbanding dengan RM251.5 juta pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, nisbah bendungan keseluruhan turun sedikit daripada 81.1% kepada 80.7% pada tahun 2004 disebabkan oleh kapasiti semasa pengendali takaful yang terhad bagi membendung perniagaan marin, udara dan transit.

Sejumlah RM163.9 juta telah disid ke luar, dengan 52.2% merupakan sisen kepada syarikat Malaysia, termasuk yang beroperasi

Carta 1.5
Agihan Caruman Kasar



di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan. Sebanyak RM78.4 juta telah disid ke luar negeri, dengan 98.4% daripadanya disalurkan kepada penanggung insurans semula asing. Pengaliran keluar caruman ke luar negeri yang terbesar adalah daripada sektor marin, udara dan transit dengan bahagian sebanyak 65.4%. Ini diikuti oleh sektor kebakaran dengan bahagian sebanyak 26.3%. Pasaran takaful semula perlu diperkembangkan lagi bagi membendung sisen yang tinggi kepada penanggung insurans semula asing.

Pengalaman Tuntutan

Jumlah tuntutan kasar dibayar meningkat 11.5%, melibatkan RM116 juta dengan 21.7% atau RM25.2 juta daripada jumlah keseluruhan tuntutan kasar ditanggung oleh pengendali takaful semula dan penanggung insurans

Jadual 1.12
Nisbah Bendungan[1]

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua Sektor
			Perlindungan `Akta´	Lain-lain	Jumlah		
	%						
2000	21.7	58.9	95.7	96.3	96.3	71.7	73.9
2001	30.7	49.9	92.0	96.7	95.9	64.6	67.6
2002	32.5	49.3	98.8	95.6	96.1	72.4	66.8
2003	64.0	65.5	99.6	99.8	99.8	80.3	81.1
2004	23.5	84.7	99.9	99.8	99.8	90.0	80.7

[1] Nisbah bendungan dari tahun 2003 dikira berdasarkan peratusan caruman bersih kepada caruman langsung kasar dan caruman takaful semula diterima tolak takaful semula disidkan dalam Malaysia

Jadual 1.13
Pengalaman Tuntutan

	Tuntutan Kasar Dibayar		Tuntutan Bersih Dibayar	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
2000	55.3	60.3	34.1	40.9
2001	98.9	78.8	38.7	13.5
2002	121.7	23.1	72.9	88.4
2003	104.1	-14.5	78.7	7.9
2004	116.0	11.5	90.8	15.5

Jadual 1.14
Nisbah Tuntutan[1]

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua Sektor
			Perlindungan `Akta´	Lain-lain	Jumlah		
	%						
2000	102.5	11.3	50.8	35.9	38.8	77.4	39.0
2001	103.6	15.1	61.7	46.6	49.1	76.1	45.0
2002	65.8	23.3	67.1	65.1	65.4	73.1	54.4
2003	30.1	6.1	245.6	16.8	46.3	63.8	37.3
2004	13.1	11.8	99.6	44.6	51.4	61.4	41.2

[1] Tuntutan bersih kena dibayar sebagai nisbah pendapatan caruman terperoleh

semula di bawah pengaturan takaful semula. Pengalaman tuntutan juga merosot seperti dicerminkan oleh nisbah tuntutan keseluruhan industri, iaitu 41.2% akibat pertambahan peruntukan tuntutan belum dibayar bagi sektor kebakaran dan peningkatan tuntutan bersih dibayar oleh sektor motor.

Pengalaman Pengunderaitan dan Hasil Operasi

Kumpulan wang takaful am mencatat keuntungan pengunderaitan yang lebih rendah berikutan peningkatan dalam perbelanjaan pengunderaitan. Tuntutan bersih kena dibayar bertambah RM22.9 juta, disebabkan terutamanya oleh kemerosotan pengalaman tuntutan sektor-sektor motor dan kebakaran. Perbelanjaan pengurusan meningkat kepada RM74 juta, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan teknologi maklumat (IT) berikutan penambahbaikan struktur IT yang merupakan sebahagian daripada inisiatif pengendali takaful untuk meningkatkan kecekapan operasi. Peningkatan komisen bersih sebanyak 32.9% adalah sejajar dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam caruman kasar yang dijana oleh industri takaful.

Jadual 1.15
Pengalaman Pengunderaitan

	Pendapatan Caruman Terperoleh	Tuntutan Bersih Kena Dibayar	Komisen Bersih	Perbelanjaan Pengurusan[1]	Keuntungan Pengunderaitan
	RM juta				
2000	131.3	51.2	–1.1	8.5	72.6
2001	162.5	73.1	7.0	11.8	70.5
2002	199.2	108.2	4.7	13.7	72.5
2003	230.0	85.7	9.1	60.6	74.6
2004	263.4	108.6	12.1	74.0	68.7
	% perubahan	% pendapatan caruman terperoleh			
2000	–	39.0	–0.8	6.5	55.3
2001	23.8	45.0	4.3	7.2	43.4
2002	22.6	54.4	2.3	6.9	36.4
2003	15.5	37.3	3.9	26.4	32.4
2004	14.6	41.2	4.6	28.1	26.1

[1] Perbelanjaan pengurusan bermula dari tahun 2003 termasuk perbelanjaan kumpulan wang takaful am yang ditanggung oleh kumpulan wang pemegang saham

Keuntungan operasi bagi tahun 2004 bertambah 22.9% kepada RM410.2 juta. Pendapatan pelaburan bersih yang dijana pada tempoh tersebut adalah sebanyak RM14.7 juta. Sejumlah besar pendapatan adalah daripada bon Islam, akaun pelaburan dan pasaran wang Islam. Sebaliknya, jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM21.3 juta, dengan RM11.7 juta

Jadual 1.16
Rizab Teknikal

	Rizab Caruman Tidak Terperoleh[1]	Peruntukan Tuntutan Belum Dibayar	Rizab Teknikal
	RM juta		
2000	82.0	103.7	185.7
2001	99.8	128.4	228.3
2002	122.9	163.8	286.7
2003	147.9	170.9	318.8
2004	306.7	188.7	495.4
	% caruman bersih		
2000	54.8	69.3	124.0
2001	55.4	71.3	126.6
2002	55.3	73.7	129.0
2003	58.8	68.0	126.8
2004	93.3	57.4	150.7

[1] Rizab caruman tidak terperoleh bagi tahun 2004 termasuk bahagian rizab bagi pelan takaful kebakaran jangka panjang Perbendaharaan Persekutuan. Tiada pelarasan rizab dilakukan bagi tahun-tahun sebelumnya

Carta 1.6
Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Am



adalah bagi pengurangan nilai bagi ekuiti dan pembiayaan tak berbayar terpilih.

Rizab Teknikal

Nisbah rizab teknikal menjadi kukuh kepada 150.7% berbanding dengan 126.8% yang dicatat pada tahun sebelumnya. Jumlah peruntukan tuntutan belum dibayar meningkat 10.4% kepada RM188.7 juta, dengan RM55.5 juta atau 29.4% merupakan rizab tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan (IBNR). Peningkatan ketara rizab caruman tidak terperoleh sebanyak 107.4% disebabkan oleh masuk kira rizab bagi pelan takaful kebakaran jangka panjang Perbendaharaan Persekutuan.

Aset Kumpulan Wang Takaful Am

Jumlah aset perniagaan takaful am bertambah 27.3% kepada RM723.5 juta. Penempatan dalam akaun pelaburan dan pasaran wang Islam berjumlah RM236.6 juta dan merangkumi 32.7% daripada jumlah aset. Pelaburan dalam instrumen jangka panjang meningkat 47.1% kepada RM265.2 juta, dengan 62.6% daripadanya ialah dalam bon Islam dan 37.4% sekuriti Islam Kerajaan. Pemegangan sekuriti Islam Kerajaan adalah bagi memenuhi keperluan aset dibenarkan. Pada tahun 2004, pelaburan dalam ekuiti meningkat kepada RM82.8 juta daripada RM75.5 juta pada tahun sebelumnya.

Jadual 1.17
Aset Kumpulan Wang Takaful Am

	2001		2002		2003		2004	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Harta Benda, Loji dan Peralatan	7.0	1.9	0.5	0.1	1.3	0.2	1.5	0.2
Pelaburan Harta Benda	27.5	7.3	34.4	7.4	33.8	5.9	33.2	4.6
Pembiayaan	15.4	4.1	14.3	3.1	13.6	2.4	8.5	1.2
Pelaburan	129.5	34.6	190.5	41.1	257.1	45.3	349.5	48.3
Sekuriti Islam Kerajaan	17.9	4.8	46.4	10.0	58.6	10.3	99.1	13.7
Sekuriti Hutang Swasta Islam dan Ekuiti	110.1	29.4	142.5	30.7	197.1	34.7	248.9	34.4
Pelaburan Lain	1.6	0.4	1.6	0.3	1.4	0.3	1.5	0.2
Aset Asing	2.5	0.7	2.5	0.5	2.5	0.4	2.5	0.3
Akaun Pelaburan dan Pasaran Wang Islam	160.1	42.7	170.3	36.7	202.3	35.6	236.6	32.7
Wang Tunai dan Baki Bank	14.3	3.8	12.7	2.7	4.8	0.9	8.0	1.1
Aset Lain	18.5	4.9	38.9	8.4	52.7	9.3	83.7	11.6
Jumlah	374.8	100.0	464.1	100.0	568.1	100.0	723.5	100.0